

Dua tahun projek tergendala

Nelayan di Pangkalan Nelayan Sri Tanjung minta kerajaan negeri lulus segera projek naik taraf jeti

KUALA LANGAT - Nelayan di Pangkalan Nelayan Sri Tanjung, Sijangkang di sini memohon pihak bertanggungjawab meluluskan segera permohonan projek naik taraf jeti demi manfaat nelayan bersama.

Difahamkan, peruntukan projek naik taraf RM50,000 termasuk membina tempat parkir sampan telah diluluskan dua tahun lalu namun projek tidak dapat diteruskan disebabkan status tanah.

Nelayan, Sahari Mohd Soib, 59, berkata, nelayan pernah mendapatkan maklum balas kepada pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berhubung masalah itu.

"Pihak LKIM memaklumkan peruntukan sudah diluluskan cuma masih belum ada kelulusan daripada kerajaan negeri.

"Masa Pengerusi LKIM, Datuk Irmohizam Ibrahim turun ke sini pun... beliau memang dah bagi tahu pasal peruntukan tu.

"Dah dua tahun projek ni tergendala, harap sangat kerajaan ne-



Sulaiman ketika mendengar permasalahan nelayan ketika meninjau keadaan Pangkalan Nelayan Sri Tanjung, semalam.



INFO

- 74 nelayan kecewa
- Status tanah jadi punca

Bagi Abdul Karim Tekah, 63, berkata, kesemua 74 nelayan berdaftar kecewa berkaitan kemudahan yang dijanjikan itu masih belum terlaksana.

"Saya harap bila dah dibangkitkan semula selepas dua tahun ni ada khabar gembira untuk kami," katanya.

geri ambil perhatian perkara ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pangkalan itu, semalam.

Harap proses permohonan dipermudah

SEMENTARA itu, Pengerusi Majlis Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Kariil berkata, beliau berharap kerajaan negeri dapat mempermudah proses permohonan itu.

"Saya sendiri dah berhubung dengan Datuk Irmohizam mengenai peruntukan yang dijanjikan. Ia ada cuma tak dapat nak dilaksanakan disebabkan atas pelbagai faktor termasuk syarat tanah.

Nelayan berharap kemudahan berkenaan dapat dilaksanakan secepat.

"Apa yang saya nampak, keadaan kemudahan di jeti berkenaan perlu dibaiki dan sekiranya perlu penambahan peruntukan...ia boleh dipohon lagi...memang tak ada masalah.

"Masalahnya cuma status tanah dan kelulusan daripada pelbagai pihak saja," katanya.

Sementara itu, *Sinar Harian* akan mendapatkan maklum balas Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus mengenai status tanah di kawasan berkenaan dalam masa terdekat.



Keadaan bumbung dan tempat letak sampan yang perlu dinaik taraf.



Villa Cinta Nirwana

Bt 11 3/4 Jln Kuari Sg Long
43100 Hulu Langat Selangor

FAMOUS CATERER IN TOWN

HUBUNGI :016-4468503 / 016-4478503 / 010-2201795 HQ: 03-92001176 / 92015993

PAKEJ LENGKAP KAMI BERMULA DARI HARGA RM22.80/PAX

KINI DIBUKA UNTUK TEMPAHAN